



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Sheik masih jauh dari matlamat hidup

Berita Harian, 7 July 1997, Page 5

Article also available on Microfilm Reel NL21098

Printer-Friendly Page

# Sheik masih jauh dari matlamat hidup

**JEJAK JAYA** Kelolaan **DEWANI ABBAS**

**L**IMA belas tahun menceburi dunia silat belum benar-benar memuaskan hati Sheik Alau'ddin Yaacob Maricar, biarpun sudah dua kali beliau menjulang anugerah Juara Dunia Silat.

"Masih banyak lagi yang ingin saya lakukan. Antaranya ialah menembusi sekolah-sekolah untuk mengajar seni silat kepada pelajar-pelajar kita," akui pesilat yang baru mendapat Anugerah Belia Singapura 1997 dalam satu majlis semalam.

Tetapi, bila dan bagaimana? Itulah soalan yang jawapannya belum diketahui oleh pesilat yang lebih senang dipanggil Sheik ini.

Sheik tahu untuk mengusahakannya beliau perlukan sokongan dan bantuan pihak-pihak berwajib seperti Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Kementerian Pendidikan dan Majlis Sukan Singapura.

Namun, beliau sudah bersedia untuk menyiapkan pakej lengkap bagi mempromosikan silat sebagai senaman di sekolah, seperti sejarah dan sukatananya, peringkat-peringkat serta cara-cara bersilat.

Ini mungkin boleh dilakukan melalui buku, video atau majalah. Untuk itu beliau perlukan penaja.

Namun, ada satu lagi masalah yang dihadapi oleh Sheik — beliau belum lagi memiliki lesen sebagai instruktur silat.

Sungguhpun begitu, pesilat berusia 30 tahun yang bekerja sebagai penyelarasan senaman sihat di Pusat Riadah Kakitangan, Kelab Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) ini, tidak mahu hanya menunggu.

Beliau sudah pun memulakan usaha sendiri mempromosikan seni bela diri yang dicintainya itu.

Sesuai dengan perubahan zaman,

Sheik telah membuka halaman Internet dan 'e-mailnya' sendiri sejak awal tahun ini. Melalui halaman itu beliau telah berinteraksi tentang silat dengan pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh dunia.

"Ada yang tanya, boleh tak beliau bersilat kalau menghidap *arthritis*, atau radang sendi dan ada pula yang mengadu ibunya tak izinkan beliau bersilat," cerita Sheik.

Dalam pada itu beliau telah membantu 'buka gelanggang' iaitu mengadakan kelas-kelas silat anjuran Jawatankuasa-Jawatankuasa Penduduk (RC) di Braddell Heights dan Woodlands.

Beberapa tahun yang silam pula, beliau pernah mengajar senaman untuk bekas penagih di dulunya Rumah Perintis Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) dan mengadakan demonstrasi di pusat-pusat pemulihan dadah (DRC).

"Saya memang suka ajar senaman,

kehidupan sihat, termasuk silat. Malah, saya bercita-cita untuk jadi jurulatih silat nasional nanti. Cuma buat masa ini, saya belum dibenarkan menjadi jurulatih kerana terlibat dalam pertandingan," terangnya.

Bagaimanapun, Sheik telah bersedia untuk menabur bakti dengan cara lain. Dengan bintang bolasepak Fandi Ahmad, beliau berura-ura menjalankan kerja kebajikan untuk kanak-kanak Darul Ma'wa.

Beliau juga bersedia untuk membuka kelas senaman lagi di Pertapis.

Keprihatinannya terhadap kehidupan sihat bukan saja tertumpu kepada aspek senaman. Sheik juga menjalankan misi sendiri menasihatkan kenalan-kenalannya supaya berhenti merokok.

"Pada saya pendekatan peribadi lebih berkesan daripada mesej umum jika kita hendak galakkan seseorang berhenti merokok. Inilah yang telah saya lakukan. Sejauh ini dah lima orang berhenti merokok setelah saya pujuk dan nasihatkan mereka.

"Saya selalu beri contoh arwah bapa saya yang meninggal dunia akibat terlalu banyak merokok," ujar Sheik, lulusan menengah empat yang kini sudah berumahtangga dan mempunyai tiga orang anak berusia setahun hingga empat setengah tahun.

Anaknya yang keempat bakal lahir pada Disember ini. Menurut Sheik, isterinya, Cik Sa'adiyah Sanuse, 31 tahun, seorang drafmen kanan, tidak pernah bergiat dalam seni silat, tetapi memberinya sokongan 100 peratus.

Sheik terlibat dalam silat secara tidak langsung semasa kanak-kanak. Semasa menghadiri kelas agama di sebuah masjid, beliau mengetahui tentang kelas silat yang diadakan di situ dan sejak itu bermulalah hubungan intimnya dengan silat.

Namun, beliau tetap meminati beberapa jenis sukan lain seperti golf, badminton, tenis meja dan bina badan. Beliau juga berminat dalam permainan sukan tarik tali, bot naga dan bowling.

Senarai penglibatannya dalam silat begitu panjang dan membanggakan. Dari 1985 hingga tahun ini beliau telah merebut gelaran juara nasional silat sebanyak 13 kali.

Sheik menjadi Juara Dunia Silat pertama kali pada 1990 dalam Kejuaraan Sedunia di Den Haag, Holland, pada 1990. Kali kedua pada 1994 dalam Kejuaraan Sedunia di Haadyai, Thailand.

Pada tahun 1994-95, beliau telah mendapat Anugerah Merit Ahli Sukan (Lelaki), dan Anugerah Bintang Sukan Coca-Cola/Sunday Times bagi bulan Disember 1994.

Tentang kemenangannya yang terbaru ini, Sheik melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menyokongnya seperti Majlis Sukan Singapura, Persisi dan perguruanannya, Sendeng Belalang.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada perguruan yang pernah saya ceburi, Persaudaraan Panca Sakti, para penaja, para jurulatih dan teman-teman saya.

"Anugerah ini juga bererti saya perlu berusaha lebih keras dalam kerja-kerja masyarakat," kata Sheik.

Beliau bakal menyertai Kejuaraan Terbuka Silat Undangan di Hanoi, Vietnam pada Ogos tahun ini dan kemudian dalam Sukan SEA ke-19 di Jakarta pada Oktober mendatang.

Sheik boleh dihubungi melalui e-mail: sheikasa@singnet.com.sg dan halaman webnya ialah <http://www.silat.com>

**“Masih banyak lagi yang ingin saya lakukan. Antaranya ialah menembusi sekolah-sekolah untuk mengajar seni silat kepada pelajar-pelajar kita.”**

— Sheik Alau'ddin



**SHEIK BERSAMA KELUARGA:** Bercita-cita untuk menjadi jurulatih silat nasional dan berura-ura jalinan kerja-kerja kebajikan bagi kanak-kanak Darul Ma'wa. — Gambar oleh ZAINAL YAHYA